

**Apa pula status Mahathir minta Najib lewatkan PRU, sindir Pakatan
The Malaysian Insider
15 September , 2011
Oleh G Manimaran**

KUALA LUMPUR, 14 Sept – Pakatan Rakyat pula menyindir Tun Dr Mahathir Mohamad agar kembali menyandang jawatan perdana menteri jika pemimpin veteran itu mahu mempertikaikan saranan mereka agar kedua-dua parti pemerintah dan pembangkang berbincang menentukan tarikh pembubaran Parlimen dan pilihan raya umum.

“Kalau apa yang kami katakan hendak disindir, maka kami cadangkan Dr Mahathir kembali menjadi perdana menteri dan kami persoalkan apa hak Dr Mahathir untuk menasihatkan agar Datuk Seri Najib melewati pilihan raya umum ke-13,” kata Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub (gambar) kepada The Malaysian Insider.

Salahuddin berkata idea yang dilontarkan oleh mereka sebenarnya bertujuan menjaga kebaikan rakyat dan demi kepentingan negara.

“Malah perkara ini boleh dilakukan dan sedang diamalkan beberapa negara,” kata Ahli Parlimen Kubang Kerian ini dengan merujuk kepada amalan di Amerika Syarikat dan pendirian kerajaan campuran di Britain baru-baru ini.

“Apa salahnya kami beri pandangan ini?” soal beliau lagi.

Salahuddin berkata Pakatan Rakyat merasakan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sewajarnya mempertimbangkan perkara ini jika benar-benar mahu membawa pembaharuan sistem pilihan raya di negara ini.

Itu sebab tegas beliau, pihaknya meminta agar pilihan raya umum tidak dipanggil selagi jawatankuasa pilihan khas Parlimen tidak selesai mengadakan mesyuaratnya untuk mengemukakan laporan.

“Jadi saya berpendirian bahawa itu pandangan Pakatan Rakyat... demi kebaikan negara dan rakyat.

“Jika pandangan ini tidak boleh diberikan apa status Dr Mahathir apabila beliau sendiri meminta agar Najib tangguh panggil pilihan raya?” katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata penentuan tarikh pilihan raya umum di negara ini adalah “hak keistimewaan” kerajaan dan tiada pihak boleh mempertikaikannya.

Kata beliau, sebagai kerajaan yang memerintah, mereka juga mempunyai “keistimewaan” untuk membubarkan parlimen bagi memberi laluan kepada pilihan raya berkenaan.

“Dalam dunia ini tidak ada perbincangan berkenaan dengan tarikh pilihan raya. Itu adalah hak mutlak kerajaan... di mana negara-negara pun macam itu.

“Kalau dia (pembangkang) nak tentukan (tarikh pilihan raya), biar dia jadi kerajaan dulu ... tetapi lepas dia jadi kerajaan dia tidak akan bagi kita pun ...,” katanya selepas majlis penyerahan tiga unit model Saga “Electric Vehicle” (EV) dan lima unit “Range Extender Electric Vehicle” (REEV) oleh syarikat itu kepada kerajaan untuk dipandu uji di pejabat

Perdana Menteri hari ini.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/apa-pula-status-mahathir-minta-najib-lewatkan-pru-sindir-pakatan/>